

# AGAMA ITU NASIHAT

## DIDIKAN AKHLAK

(4)

Kedudukan akal dan hawa nafsu.

Seseorang yang hendak memperbaiki keadaan dirinya lebih dahulu harus mengetahui susunan dirinya, sifat-sifat apa yang ada padanya, dan apa pekerjaan tiap-tiap anggota. Semuanya harus diperhatikan, difikirkan dan diselidik kesempurnaannya atau tidak tiap-tiap anggota itu. Bermacam-macam tamsil dan perumpamaan yang diadakan orang bagi memperumpamakan manusia dengan anggota-anggota dan sifat-sifat yang ada dalam dirinya.

Di antara tamsil dan perumpamaan yang hampir tepat dan bersetuju dengan bukti dan keadaan manusia yang mengumpamakan manusia itu sebagai seorang raja atau pemerintah dalam sebuah negeri, anggota badannya menjadi rakyatnya, akal nya menjadi wazir atau perdana menterinya, hawa nafsunya menjadi sebagai seorang hamba yang jahat dalam pertahanannya, dan pantangannya menjadi sebagai dasarnya.

Wazir atau perdana menteri itu pekerjaannya setiap-setiap hari memberi nasihat kepada raja, memberi syura, memberi pandangan dan buah fikiran yang baik-baik yang membawa kepada kemakmuran negeri, keamanan rakyat dan masalah umum. Selain daripada itu kalau dalam negeri itu kedapatan huru hara, kacau bilau disebabkan oleh perbuatan jahat dan durjana, wazir itu juga yang akan menanggungjawab, dan ia juga yang harus memadamkan huru hara dan kekacauan itu. Ia sentiasa memikirkan kebaikan dan kemakmuran negeri. Beginilah kedudukan akal dalam diri manusia.

Ada pun hamba atau budak yang jahat itu yang ada dalam kerajaan tadi, pekerjaannya menghasut raja, memasukkan fitnah supaya raja membenci perdana menterinya, supaya segala syor dan nasihat perdana menteri itu jangan diikuti, jangan diendahkan. Ia memberi juga pandangan kepada raja, pandai ia berlagak sebagai penasihat, zahirnya nampak sebagai nasihat tetapi batin dan hakikinya ialah racun yang bisa membinasakan raja dan kerajaannya. Ia tak lepas daripada menentang syor dan nasihatnya kerana menurut sangkanya perdana menteri itu sentiasa menghalang kehendaknya, menentang segala kemahuannya yang jahat dan busuk itu. Demikianlah hawa nafsu dalam diri manusia sebagai budak yang jahat itu yang sentiasa mengajak kepada kejahatan dan kebinasaan.

Sekarang terserah kepada raja daripada perdana menteri ia telah mendengar nasihat dan syor yang baik pada zahir dan batin dan daripada hal budak jahat itu pun ia telah mendengar juga bermacam-macam pandangan yang pada zahirnya baik tetapi batinnya merosakkan.

Kalau raja tadi bodoh, dungu, bebal, lemah, lalai, tak mau membezakan antara baik dan jahat, antara manfaat dan mudarat, antara racun dan penawar maka tentulah ia mengikut kehendak budak jahat tadi kerana semua pandangannya bagus dan indah serta menarik hati. Kalau raja terus menurutkan pandangan budak itu, dengan tidak menimbang dan memikir lebih jauh nescaya kerajaan itu akan lekas tumbang, rosak dan binasa, rakyatnya akan berkacau dan tidak teratur lagi.

Kalau raja telah di pengaruhi oleh budak jahat tadi nescaya polis dan rakyat pun akan dipengaruhinya juga dan tidak mustahil pada suatu ketika ia menjatuhkan raja tadi dari singgahsannya dan menguasai kerajaannya.

Apabila budak jahat itu telah menjadi Raja atau menguasai hati Raja nescaya semua nasihat yang baik daripada perdana menteri tak diendahkan lagi, rakyat hidup berkacau bilau, tidak teratur, sedang polis akan

melakukan sekehendak hatinya tidak menjalankan hukum atau undang-undang negeri lagi.

Tetapi kalau raja tadi mengerti dan mengetahui siasat kerajaan maka ia tidak mudah dikuasai budak jahat tadi, tahu menghargakan nasihat perdana menterinya lalu ia memerintah polis-polisnya supaya menjalankan keputusan perdana menterinya, membatas dan memerhati budak jahat tadi sehingga ia tunduk dan takluk menurut keputusan perdana menteri dan dengan demikian nescaya kerajaannya akan selamat, negerinya akan makmur dan rakyatnya hidup aman dan damai.

Demikianlah tamsil dan perumpamaan manusia dengan akal dan hawa nafsunya. Dengan anggota badannya dan pantangannya. Kalau manusia telah mengetahui dan faham benar akan tamsil perumpamaan ini nescaya mudahlah baginya memeriksa keadaan dirinya, mengetahui di mana kedudukan akalinya dan boleh menghargakan nasihat yang terbit daripada akalinya; ia mengetahui pula maksud tujuan hawa nafsunya yang sentiasa memberi pandangan yang indah-indah dan permai itu, dan dengan itu pula dapat ia mensucikan dirinya.

Seseorang yang dapat mensucikan dirinya, hendak selamat hidupnya wajib memerhati segala kehendak nafsunya menghadapkannya kepada pantangannya. Jangan selalu diturut takut ia menjadi manja, kalau sentiasa diikuti boleh membawa kepada kerosakkan dan kebinasaan sehingga hawa nafsunya itu tunduk dan takluk di bawah pengaruh akalinya.

Kalau diri seseorang telah dipengaruhi oleh hawa nafsu maka menjadi alamat dirinya itu akan rosak dan celaka; tetapi kalau dirinya sentiasa menurut nasihat akalinya nescaya ia akan hidup selamat aman dan sejahtera.

Daripada tamsil dan perumpamaan ini dapat kita mengetahui kedudukan akal dalam diri manusia; ia hanya menjadi sebagai penasihat yang ikhlas yang hendak memperbaiki keadaan manusia sebagaimana doktor hanya menerangkan jenis-jenis ubat dan menyuruh si sakit meminum ubat itu. Perkara menurut nasihat atau menggunakan ubat yang dipesan oleh

doktor itu adalah terserah kepada yang sakit. Kalau ia hendak sembuh daripada penyakitnya tentulah dengan segera ia mengikut pesan doktor itu dan ia menggunakan ubat mengikut kadarnya. Tetapi kalau ia tidak mengendahkan pesan doktor dan tidak mahu menggunakan ubatnya kalau penyakitnya bertambah keras dan tak hendak sembuh janganlah disalahkan doktor atau ubat itu tetapi salahkan dirinya sendiri yang tak mau menjalankan nasihat yang baik itu.

Ada lain pula orang yang membawa perumpamaan manusia itu begini: Diri manusia itu sebagai negeri, akalinya menjadi raja yang sentiasa bekerja mengatur dan memakmurkan negeri itu, dan yang menjadi bala tentera kekuatannya yang menolongnya ketika berjuang dengan musuh ialah fikiran, menungan dan perasaannya, anggota-anggota badannya menjadi rakyatnya dan hawa nafsunya menjadi musuhnya yang sentiasa hendak merosak dan menolak kerajaannya dan mempengaruhi hati rakyatnya.

Kalau terjadi suatu pertempuran dan peperangan antara hawa nafsu dan pengikut-pengikutnya dengan akal dan bala tentera maka pada ketika itu tempat siapa yang kuat dan siapa yang lemah, siapa yang cerdik dan siapa yang bodoh. Kalau akalinya lemah dan tidak mempunyai bala tentera yang gagah perkasa maka tak dapat ada ia dikalahkan oleh hawa nafsu dan kalau hawa nafsu menang menjadilah ia Raja atas diri manusia ia menghukum sesuka-sukanya, tidak memakai peraturan dan undang-undang yang dapat menyelamatkan kerajaan itu. Tetapi kalau akal itu lebih kuat, lebih cerdas, dan lebih bijaksana dari hawa nafsu nescaya dapatlah ia mengalahkannya hawa nafsu tadi kalah dan negeri hendak bertempur kerana tiap-tiap kali ia membawa bala tentera berjuang selalu kalah.

Daripada perumpamaan itu menunjukkan manusia itu sentiasa berhadapan dengan hawa nafunya: Tidak salah kalau Nabi katakan peperangan yang besar itu ialah berperang dengan hawa nafsu itu di namakan jihad al-akbar. Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): "Sebesar-besar jihad itu ialah seseorang memerangi nafsu dan kehendaknya" – Hadis riwayat

Kalau kita selidik lebih dalam dapatlah kita ketahui bahawa perjuangan manusia dengan hawa nafsu itu adalah tiga keadaan atau kejadian:

Pertama: hawa nafsu itu terkadang-kadang dapat menakluk orang tadi, ia menguasai segenap anggotanya, hingga apa jua dan ke mana sahaja diperintah oleh nafsunya ia mengikut tak kuat membantah atau melawan lagi. Golongan ini adalah diisyaratkan Allah dalam firman-Nya yang maksudnya: "Tidakkah engkau fikirkan (bagaimana buruknya) orang-orang yang menjadikan Tuhan akan hawa nafsunya, dan Allah sesatkan dengan pengetahuan, dan matikan pendengaran dan hatinya, dan ia adakan tutupan pada penglihatannya? Maka bukankah tidak ada orang yang dapat memimpin dia sesudah Allah (menyesatkannya)? tidakkah kamu ingat!"

Kedua: Terkadang-kadang seseorang dapat mengalahkan hawa nafsunya dan terkadang-kadang ia dikalahkan pula oleh hawa nafsunya – bergilir-gilir; terkadang-kadang ia kalah dan terkadang-kadang, pula hawa nafsunya kalah. Supaya ia sentiasa beringat kepada hawa nafsunya itu maka Tuhan akan mengingatkan dan menyedarkan supaya jangan lalai sesaat pun. Firman-Nya yang maksudnya: "Dan janganlah engkau turutkan hawa nafsu sebab ia akan menyesatkan engkau kepada jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat kepada jalan Allah itu akan menerima seksa yang pedih disebabkan mereka lupa kepada hari perhitungan-Nya."

Ketiga: orang yang sentiasa menakluk hawa nafsunya. Orang yang begini keadaannya kebanyakannya daripada golongan Nabi-nabi, orang-orang soleh dan orang yang berbakti bersungguh-sungguh kepada Allah. Bagi mereka yang dapat menakluk hawa nafsunya itu besar bahagiannya. Mendapat kesenangan, syurga di sediakan baginya sebagaimana diterangkan dalam firman Allah maksudnya: "Dan adapun orang yang takut kepada Tuhannya dan ia mengawal dirinya daripada menurut hawa nafsunya maka sesungguhnya syarak itu ialah tempat tinggalnya."

(bersambung)

dan perhatian saya bahawa langkahnya itu ialah suatu langkah yang paling buruk yang di dalamnya akan hidup dengan suburnya dasar "pecah-pecahkan dan perintah, dan kerananya harus akan tumbuh benih persengketaan dan perbalahan di antara penduduk-penduduk negeri ini yang tersusun dari berbagai-bagai kaum dan bangsa yang di dalamnya tak dapat dinafikan masing-masing menaruh cemburu yang amat dalam antara satu sama lain.

Demikianlah dahulu dan jika ada peluang, saya akan berulang menulis lagi supaya jawab pertanyaan yang di atas tadi akan didapati dengan lebih-lebih mudah dan jelas.

Apabila pemegang-pemegang negara (pemerintah) terdiri daripada orang baik-baik, orang-orang kaya terdiri daripada hartawan-hartawan yang dermawan, semua perkara selesa dengan cara permesyuaratan maka dunia ini lebih utama bagimu daripada kabur, sebaliknya pula apabila pemegang negara terdiri daripada orang yang tidak baik, orang-orang kaya bersifat bakhil, semua pekerjaan dikuasai oleh perempuan-perempuan maka kabur itu utama bagimu daripada dunia – Maksud al-Hadis

## DI MEJA KITA

(1) "Rahsia Sembahyang" oleh al-Ustaz Abdul Hadi

Kamal. Kandungannya memuaskan sebagai panduan dalam ibadah yang menjadi tiang agama di terbitkan oleh "Usaha Kita" Kirab "Muhammad School" Sabak Bernam.

(2) "Muda Sama Muda" oleh Ahmad Bakhtiar

dua penggal tamat. Mengandungi contoh tauladan yang baik diterbitkan oleh "A M Rahman" Nombor 5, Bazar Tanjung Malim.

(3) Majalah "Kawalan" – huruf rumi –

diterbitkan oleh "Badan Kebajikan Polis Singapura" untuk merapatkan perhubungan di antara ahli-ahlinya – angkatan polis dan tentera selamat berkhidmat.

Atas ketiga-tiga hadiah tersebut diucapkan berbilang-banyak Terima kasih!